

25 JUL 1998
Sanusi-Projek
LADA BATAL PROJEK JALAN BERHARGA RM3.2 JUTA

LANGKAWI, 26 Julai (Bernama) -- Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA) telah memutuskan untuk membatalkan projek jalan berharga RM3.2 juta menghubungkan Padang Gaong dan Makam Mahsuri di sini.

Pengerusi bersamanya, Tan Sri Sanusi Junid berkata LADA sebaliknya akan menggantikannya dengan projek mendalamkan kuala Sungai Pantai Kok untuk memberi kemudahan kepada nelayan di sini.

Bercakap kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat lembaga LADA di sini hari ini, beliau berkata setelah mengkajinya, projek jalan itu didapati bukanlah projek yang diperlukan manakala projek untuk mendalamkan kuala sungai itu didapati boleh memberi faedah terutamanya kepada nelayan.

Khamis lepas, Sanusi berkata terdapat dua cadangan untuk projek itu yang dikemukakan oleh LADA.

Cadangan yang dibuat pada mesyuarat mingguan exco negeri baru-baru ini ialah untuk jalan lurus tetapi beliau mendapat tahu baru-baru ini permohonan projek yang sama yang akan dibentangkan pada mesyuarat lembaga itu hari ini menunjukkan jalan berselekeh.

Sanusi berkata beliau puas hati kerana pengurus besar LADA (Datuk Abdul Halil Mutalib) bersependapat dengan beliau dan menyokong supaya projek jalan itu dibatalkan.

"Kami bukanlah pakar dalam pembinaan jalan tetapi apabila kami mengesan penyelewengan kami perlu batalkan projek itu setelah diberi nasihat yang salah," katanya.

bercakap kepada pemberita kemudian, Abdul Halil berkata cadangan projek jalan itu mula dibuat pada tahun 1996 tetapi LADA menangguhkannya kerana ia tidak penting dalam pembangunan keseluruhan pulau peranginan itu.

Ditanya mengapa terdapat dua cadangan untuk satu projek jalan, Abdul Halil berkata ia adalah berpunca cadangan yang tidak betul dan projek itu melibatkan pengambilan tanah yang terlalu teknikal.

Sementara itu, Sanusi berkata LADA bercadang untuk memperkenalkan produk pelancongan baru yang dipanggil program "sewa pantai" untuk memperbaiki kadar ketibaan pelancong yang menurun ke pulau itu.

Katanya program itu adalah sebahagian dari beberapa perancangan yang dipertimbangkan untuk mengadakan produk baru untuk pelancongan di pulau itu.

Program sewa pantai itu melibatkan pemilihan beberapa pulau dari jumlah 99 pulau di sekitar Langkawi yang mana pantainya akan disewa kepada pelancong untuk aktiviti keluarga atau syarikat dan Lada diberi tanggungjawab untuk mengadakan kemudahan-kemudahan seperti tandas awam dan jeti.

Katanya satu lagi program ialah mendaki gunung yang mana pelancong boleh mendaki beberapa kemuncak gunung yang terdapat di sini.

Sanusi juga berkata, Lada akan memanjangkan jalan di sini ke Gunung Raya, gunung tertinggi di pulau ini, supaya pelancong dapat mendaki.

Menyentuh pengumuman Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengenai rancangan untuk melancarkan pembangunan prasarana secara besar-besaran untuk meransangkan aktiviti ekonomi, Sanusi berkata Kedah akan membina lebih banyak jeti dan projek-projek berkaitan yang lain untuk mengembalikan keyakinan pelabur.

"Saya percaya para pelabur akan tertarik kerana projek-projek itu akan memberi pulangan yang baik dalam jangka panjang," katanya.

Bagaimanapun Sanusi enggan mengulas lanjut apabila ditanya mengenai

kemungkinan kerajaan negeri menyokong projek menambak tanah berharga RM30 bilion untuk membina lapangan terbang antara bangsa kawasan utara (NRIA).

Sanusi juga mengumumkan Abdul Halil telah dilantik untuk mengetuai jawatankuasa tendernya.

-- BERNAMA

NH WAT